

05/05/2001

Tidak ada sebab banduan dibedah di luar negara

Cucu Tok Perak

SEBAGAI rakyat biasa, saya hairan kenapa hanya seorang banduan mendapat keistimewaan luar biasa, bukan setakat dalam penjara, malah ketika menjalani rawatan di hospital kerajaan.

Oleh kerana berasa dirinya begitu istimewa, bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mengalami sakit tulang belakang bukan saja tidak mahu dibedah di dalam negara, sebaliknya memilih mendapat rawatan di luar negara.

Kononnya penyakitnya itu tidak boleh dirawat di Malaysia sedangkan berpuluh orang yang mendapat rawatan penyakit itu di negara ini sudah sihat seperti sedia kala selepas menjalani rawatan di hospital tempatan.

Demi memenuhi tuntutan falsafah Keadilan yang ditajanya, Anwar juga seharusnya mengakui betapa tidak adilnya kerajaan yang dipimpin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kerana memberi beliau pelbagai keistimewaan melebihi banduan lain, sedangkan tidak ada bezanya beliau dengan banduan lain.

Namun, beliau dan penyokongnya tidak pernah membantah keistimewaan yang dinikmatinya itu.

Oleh kerana sudah `letih' melihat Anwar diberikan pelbagai keistimewaan, saya sebagai pembayar cukai pendapatan sudah tidak mahu lagi `bahagian' saya digunakan untuk membayar kos membiayai beliau.

Saya amat berbesar hati dengan langkah kerajaan tidak membenarkan beliau menjalani pembedahan tulang belakang di luar negara.

Menang benar, Anwar sudah tidak mempunyai sebab untuk menjalani pembedahan di luar negara kerana doktor tempatan sudah mengesahkan penyakit yang dihidapinya boleh dirawat di Malaysia.

Belum pernah dalam sejarah negara, kerajaan membenarkan banduan menjalani rawatan atau pembedahan di luar negara.

Jika kebenaran itu diberikan, ia memang menghampakan sebahagian besar rakyat Malaysia dan membuka ruang untuk mana-mana pihak daripada banduan sehinggalah kakitangan kerajaan mendapatkan rawatan di luar negara walaupun ia boleh dilakukan di sini.

Jika kos mengawal keselamatan Anwar di Hospital Besar Kuala Lumpur boleh mencecah melebihi RM65,000, kita pasti jumlahnya akan meningkat berpuluh kali ganda jika beliau mendapat rawatan di luar negara kerana ia membabitkan kos pengangkutan, elaun, sewa hotel dan pelbagai kos lain. Adakah kerajaan perlu menanggung semua kos ini?

Selain itu, polis Malaysia yang mengawasinya sudah pasti hilang kuasa di negara asing, sekali gus menyebabkan pelbagai perkara boleh berlaku ke atas Anwar.

Paling gembira (jika berlaku) ialah rakan media asing Anwar kerana mereka pasti tidak akan kering bahan untuk mengutuk kerajaan Malaysia dan mudah mengwar-warkan propaganda untuknya.

Dalam pada itu, kita juga tidak faham kenapa 108 individu yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat, termasuk Ahli Dewan Undangan Negeri Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman, menandatangani petisyen merayu Dr Mahathir memberi kelonggaran kepada Anwar untuk mendapat rawatan di luar negara.

Adakah mereka buta atau sudah tidak boleh berfikir dengan waras hanya berlandaskan fakta Anwar telah memberi sumbangan kepada negara?

Ini bukan soal mempertikaikan sumbangan Anwar, sebaliknya ia sama ada Anwar mahu dibedah tulang belakangnya di dalam negara atau tidak.

Mereka harus realistik dalam soal ini dan bukannya terbawa-bawa dengan

soal Anwar rakan baik mereka.

Bagus benarkah pakar tulang belakang, Dr Thomas Hoogland, pengendali Alpha Clinic di Munich, Jerman sehingga tiada siapa yang lain boleh merawat Anwar?

Alasan doktor itu bahawa peralatan untuk merawat Anwar tidak boleh dibawa menaiki kapal terbang jelas cuba memperbodohkan rakyat Malaysia.

Kenyataannya bahawa bilik bedah yang ada di negara kita macam dapur juga satu penghinaan kepada kemampuan negara.

Pelbagai peralatan besar untuk kegunaan Pertunjukan Udara dan Maritim Langkawi (Lima) dan keperluan Formula 1 sudah boleh kita bawa ke negara ini, inikan pula peralatan pembedahan kecil untuk merawat sakit tulang belakang. Mana logiknya?

Walau apa pun alasan lain akan diberikan oleh Anwar dan isterinya bagi membolehkan beliau dibawa ke luar negara, mereka perlu ingat ia hanya permintaan seorang banduan.

Anwar adalah banduan yang terikat dengan peraturan Jabatan Penjara. Banyak risiko perlu ditanggung jika ia membabitkan banduan, apa lagi jika berada di luar negara.

Sebaik saja berada di luar negara, pelbagai perkara boleh berlaku, termasuk beliau dilarikan oleh sesiapa saja sama ada demi kepentingan peribadi atau dijadikan `senjata' untuk memalukan kerajaan Malaysia dengan melemparkan pelbagai fitnah dan tuduhan palsu ke atas pemimpin dan kerajaan.

Malah, siapa yang boleh menghalang Anwar daripada bercakap dengan media massa asing sedangkan ketika ditahan di Penjara Sungai Buloh pun, surat beliau masih boleh diseludup keluar.

Oleh itu, sudah sampai masanya kerajaan bertegas dalam soal Anwar. Biarkan beliau dan keluarganya mengambil daya usaha merawat penyakitnya itu selagi ia dilakukan di dalam negara.

Sayang sekali, orang kita sendiri tidak mengiktiraf kemampuan orang tempatan, apatah lagi mahu dipaksakan kepada orang asing.